

3755/1  
Perdagangan  
Kertas 1  
Mei  
2010  
1 1/4 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

---

**PERDAGANGAN**

**Kertas 1**

Satu jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*

---

*Disediakan oleh:*  
AKRAM NEGERI TERENGGANU

*Dibiayai oleh:*  
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak oleh:*  
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

---

*Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak*

1. Antara berikut, pernyataan manakah **tidak benar** tentang kehendak manusia?
- A. Kehendak manusia rumit dan tidak terbatas
  - B. Kehendak manusia perlu dipenuhi untuk hidup
  - C. Kehendak manusia berubah mengikut pengalaman dan persekitaran
  - D. Kehendak manusia berbeza berdasarkan umur, cita rasa dan pendapatan individu
2. Encik Ismail telah mengusahakan sawahnya sejak 15 tahun yang lalu. Hasil tanamannya dijual ke kilang BERNAS.  
Encik Ismail terlibat dalam bidang pengeluaran
- I. ekstraktif
  - II. perkilangan
  - III. perniagaan
  - IV. khidmat langsung
- A. I dan III
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. II dan IV
3. Berikut adalah satu contoh proses pengeluaran.

Proses I

Kapas dijadikan benang

Proses II

Kain dihasilkan daripada benang

- Apakah nilai faedah yang terlibat dalam proses di atas?
- A. Nilai faedah harga
  - B. Nilai faedah kuantiti
  - C. Nilai faedah masa
  - D. Nilai faedah bentuk
4. Antara berikut, yang manakah tidak membezakan antara peniaga dan usahawan?
- A. Dari segi skop aktiviti
  - B. Dari segi keuntungan dan sumbangan
  - C. Dari segi aktiviti jual beli
  - D. Dari segi skala operasi

5. Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan peranan usahawan.

Terdapat pelbagai jenis barang baru dicipta oleh usahawan supaya dapat bersaing di pasaran.

Berdasarkan pernyataan di atas apakah peranan yang dimainkan oleh usahawan?

- A. Memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat
  - B. Mewujudkan peluang pekerjaan
  - C. Menggalakkan pertukaran wang asing
  - D. Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
6. Encik Udin ialah seorang pengusaha kilang perabot secara besar-besaran di kawasan perindustrian Gong Badak. Antara berikut pernyataan yang manakah **tidak** melibatkan bantuan perniagaan?
- A. Encik Udin yakin risiko kebakaran kilangnya dilindungi
  - B. Encik Udin yakin kekurangan modal pusingan dapat diatasi melalui overdraf
  - C. Encik Udin dapat memperbaiki lorinya dibengkel bersebelahan kilang perabotnya
  - D. Encik Udin dapat memindahkan perabotnya dari kilang ke kedai dengan senang
7. Peruncit kecil-kecilan lebih suka mendapatkan bekalan mereka daripada pemborong kerana
- A. Pemborong memberi khidmat layan diri
  - B. Pemborong menjual secara pukal
  - C. Peruncit tidak mempunyai pilihan
  - D. Peruncit boleh membeli beraneka jenis barang
8. Antara pernyataan berikut, yang manakah berkaitan dengan perniagaan dalam negeri?
- I. Dijalankan antara penduduk dalam sempadan negara yang sama
  - II. Boleh dibahagikan kepada perniagaan runcit kecil-kecilan dan besar-besaran
  - III. Boleh dijalankan mengikut prosedur antarabangsa.
  - IV. Terbahagi kepada perniagaan runcit dan perniagaan borong.
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. III dan IV
  - D. I dan IV
9. Di antara faktor berikut, yang manakah menyebabkan fungsi pemborong diambil alih?
- A. Peningkatan kos pengangkutan barang-barang
  - B. Pertambahan bilangan syarikat jualan langsung
  - C. Pegurangan kos pengiklanan barang
  - D. Pertambahan bilangan peruncit besar-besaran

10. Pernyataan berikut adalah mengenai sejenis pemborong:

- Harga barang lebih murah
- Tidak menyediakan pengangkutan
- Jualan secara tunai

Apakah jenis pemborong tersebut?

- A. Pemborong Jober Para  
 B. Pemborong Pesanan Berwakil  
 C. Pemborong Bayar dan Bawa  
 D. Pemborong Am
11. Encik Ali seorang peruncit di Taman Makmur ingin membeli seunit barang yang berharga RM300. Beliau menerima sebut harga daripada beberapa pembekal. Di antara berikut pembekal manakah yang menjadi pilihan Encik Ali?

Pembekal	Diskaun niaga	Syarat Serahan
A	20%	Angkutan dibayar
B	15%	Angkutan hadapan
C	20%	Angkutan hadapan
D	15%	Angkutan dibayar

12. Pn. Sally menerima sebut harga berikut daripada sebuah kedai komputer

- Komputer jenama Hiffi @ RM 2500 sebuah
- Diskaun niaga 10%
- Diskaun tunai 5% 5 hari 2% 10 hari

Beliau membeli dua buah komputer pada 1 Feb 2010 dan menjelaskan bayarannya 7hb. Feb 2010. Jumlah yang perlu dijelaskan oleh Puan Sally ialah

- A. RM2 205  
 B. RM2 250  
 C. RM4 410  
 D. RM4 500
13. Sungguhpun terdapat pelbagai usaha untuk menghapuskan pemborong, namun pemborong masih tetap wujud. Mengapa?
- A. Pengeluar menjual secara kredit kepada pemborong  
 B. Pemborong boleh menjalankan perniagaan dengan modal yang kecil  
 C. Pemborong menjual terus kepada pengguna  
 D. Perniagaan runcit kecil-kecilan semakin bertambah
14. Apakah invoice konsular?
- A. Satu dokumen yang dikeluarkan oleh pengeksport dan disahkan oleh konsular negara pengeksport  
 B. Satu dokumen yang digunakan sebagai bukti bahawa kerajaan negara pengimport membenarkan pengeksport mengeksport ke negara pengimport  
 C. Satu dokumen yang dikeluarkan oleh pengimport dan disahkan oleh konsular negara pengimport  
 D. Satu dokumen yang digunakan sebagai bukti bahawa kerajaan negara pengeksport membenarkan pengeksport mengeksport ke negara pengimport

15. Masalah yang sering berlaku dan sukar diatasi di kalangan peniaga yang terlibat dalam perniagaan antarabangsa pada masa kini ialah
- A. Pertukaran asing
  - B. Sekatan dan peraturan kastam
  - C. Risiko kecurian dan kerosakan
  - D. Penetapan sukatan dan timbangan
16. Eksport terdiri daripada eksport nyata dan eksport tak nyata. Antara berikut, yang manakah merupakan eksport tak nyata?
- A. Membeli beras dari Thailand.
  - B. Menerima pelancong dari Jerman.
  - C. Menerima doktor dari India berkhidmat di Hospital Kuala Lumpur.
  - D. Menjual minyak kelapa sawit ke Jepun
17. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ditakrifkan sebagai
- A. sebuah perniagaan yang mempunyai pusing ganti jualan tahunan tidak melebihi RM10 juta dan mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 50 orang
  - B. sebuah perniagaan yang mempunyai pusing ganti jualan tahunan tidak melebihi RM15 juta dan mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang
  - C. sebuah perniagaan yang mempunyai pusing ganti jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta dan mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 100 orang
  - D. sebuah perniagaan yang mempunyai pusing ganti jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta dan mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang
18. Pernyataan di bawah merujuk kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memerlukan bantuan supaya mereka dapat menjalankan perniagaan dengan berkesan. Menyedari hakikat ini, pihak kerajaan telah merangka pelbagai strategi supaya masalah yang dihadapi oleh golongan pengusaha IKS dapat diatasi. Oleh itu, kerajaan telah menubuhkan pelbagai agensi dan menyelaraskan program bantuan untuk disalurkan kepada pengusaha-pengusaha IKS.

Antara berikut, yang manakah termasuk dalam rancangan kerajaan untuk memajukan sektor IKS?

- I. Program Peningkatan IKS
  - II. Program Rantaian Industri
  - III. Program Pembangunan dan Peningkatan Kemahiran
  - IV. Program Pembangunan Infrastruktur
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV



22. Pernyataan berikut menerangkan tentang pelaburan kecualli
- A. Pelaburan ialah penangguhan penggunaan masa sekarang untuk mendapat pulangan pada masa akan datang.
  - B. Tujuan pelaburan untuk mendapat pendapatan semasa dan keuntungan modal.
  - C. Pelaburan dalam aset mendatangkan pulangan dalam bentuk keuntungan modal sahaja.
  - D. Pelaburan dalam simpanan tetap mendatangkan pulangan dalam bentuk pendapatan semasa sahaja.

23.

**Kuala Lumpur : 23 Sept 2009**

Bursa Malaysia melaporkan hampir keseluruhan syarikat yang disenaraikan di papan utama mengalami peningkatan harga saham sepanjang minggu ini. Walau bagaimanapun juru cakap Bursa tidak menyebut sebab-sebab berlaku peningkatan tersebut.

Pada pendapat anda, apakah kemungkinan yang menyebabkan peningkatan harga saham berkenaan?

- I. Penurunan kadar faedah bank dan institusi kewangan
  - II. Penurunan kadar cukai pendapatan
  - III. Peningkatan prestasi syarikat di Malaysia
  - IV. Spekulasi peningkatan harga minyak dunia yang berterusan
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV
24. Antara berikut yang manakah tidak boleh dilakukan oleh penerima ke atas cek yang diterimanya
- A. Menjadikan cek palang am kepada cek palang khas
  - B. Mengubah cek perintah kepada cek pembawa
  - C. Menjadi cek terbuka kepada cek berpaling
  - D. Mencatatkan rangkai kata "Akaun Penerima Sahaja"
25. Antara berikut, yang manakah ciri perbankan Islam?
- I. Amalan riba diharamkan
  - II. Bebas dari unsur maisir
  - III. Konsep kongsi untung
  - IV. Memberi faedah atas simpanan
- A. I, II dan III
  - B. I, II dan IV
  - C. I, III dan IV
  - D. II, III dan IV

26. Syarikat Ayubi Berhad bercadang untuk menyenaraikan syernya di Bursa Saham Malaysia.

Bank manakah yang dapat membantu Syarikat. Ayubi Berhad?

- A. Bank Negara Malaysia
- B. Bank Saudagar
- C. Bank Simpanan Nasional
- D. Bank Islam Malaysia Berhad

27. Puan Yuliana seorang pemborong. Permohonan overdraf sebanyak RM10 000 diluluskan oleh bank. Baki akaun semasanya ialah RM2500.00. Pada 3 Mac, Puan Yuliana telah mengeluarkan cek-cek yang bernilai RM800, RM2 500 dan RM3 200.

Berdasarkan maklumat di atas, bank akan mengenakan faedah ke atas jumlah overdraf iaitu.....

- A. RM 6 500
- B. RM 4 000
- C. RM 2 500
- D. RM 9 000

28. Antara berikut, yang manakah merupakan cek tak laku?

- I. Cek kosong
- II. Cek perintah
- III. Cek palang khas
- IV. Cek tarikh hadapan
- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

29. Jadual di bawah menunjukkan kadar faedah simpanan tetap.

Tempoh	Kadar faedah Simpanan Tetap
1 bulan	4.25%
3 bulan	4.30%
6 bulan	4.35%
9 bulan	4.40%
12 bulan	4.50%
Melebihi 15 bulan	5.0%

461111

Encik Amirul Hafiz telah menyimpan wang RM20 000 dalam akaun simpanan tetap pada 28 Feb 2008 dan akaunnya matang pada 30 Ogos 2008. Berapakah faedah yang diperolehi Encik Amirul Hafiz pada tempoh itu?

- A. RM 220
- B. RM 435
- C. RM 520
- D. RM 880



30. Antara berikut, risiko manakah yang tidak boleh diinsuranskan oleh sesebuah pasaraya?
- Kerosakan atas stok akibat kebakaran
  - Kerugian akibat perubahan fesyen pakaian wanita.
  - Kemalangan kepada pekerja-pekerja semasa
  - Tuntutan ganti rugi oleh pelanggan akibat kemalangan yang berlaku semasa dalam kedai.

31.



Merujuk kepada gambar di atas, apakah faktor yang membezakan kadar premium insurans hayat antara Marina dengan Manang?

- Jantina
  - Jenis pekerjaan
  - Kesihatan
  - Jenis insurans
- I, II dan III
  - I, II dan IV
  - II, III dan IV
  - I, II, III dan IV
32. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mengendalikan dua skim insurans pekerja? Antara berikut yang manakah skim-skim tersebut?
- Skim Takaful Am
  - Skim pencen ilat
  - Skim bencana kerja
  - Skim Takaful Keluarga
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV

33.

En. Rizal kehilangan sebuah kereta bernilai RM50,000. Setelah selesai prosedur tuntutan, akhirnya insurur telah membayar ganti rugi kepada En. Rizal. Sebulan kemudian kereta tersebut ditemui semula dan hakmilik kereta berkenaan diambilalih oleh insurur.

Apakah prinsip insurans yang berkaitan dengan situasi di atas?

- A. Caruman
- B. Subrogasi
- C. Doktrin sebab hampiran
- D. Penuh percaya mutlak

34. Antara berikut, pasangan manakah menunjukkan perbezaan antara pengangkutan darat dan pengangkutan udara?

	Darat	Udara
A	Lambat dan mahal	Cepat dan murah
B	Cepat dan murah	Lambat dan mahal
C	Lambat dan murah	Cepat dan mahal
D	Cepat dan mahal	Lambat dan murah

35. Serahan pintu ke pintu sangat sesuai dilaksanakan melalui jalan raya. Kenyataan ini benar kerana

- A. Jadual perjalanan boleh diubah suai
- B. Kerja punggah memunggah boleh dikurangkan
- C. Kos pengangkutan jalan raya murah serta cepat bagi jarak jauh
- D. Pengangkutan jalan raya sesuai mengangkut barang yang mudah rosak dan pecah.


36. Saluran paip semakin penting sebagai salah satu cara pengangkutan kerana

- A. Kos pemasangannya adalah rendah
- B. Mempercepatkan penghantaran dengan kos yang lebih rendah
- C. Senang dibaiki sekiranya berlaku kerosakan
- D. Mengurangkan kesesakan lalulintas

37. Antara peranan pengangkutan ialah membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Pernyataan ini mempunyai kaitan rapat dengan

- A. Mendorong pembukaan kawasan perkilangan dan pertanian yang baru
- B. Pengurangan kos penyimpanan bahan mentah dan barang siap
- C. Meningkatkan nilai faedah barang bagi pasaran berbeza
- D. Satu cara mengatasi pembaziran

38.



Dalam rajah di atas X mewakili

- A. telefon
  - B. kurier
  - C. internet
  - D. sidang video
39. Pengurus sebuah syarikat ingin memaklumkan kepada cawangan-cawangannya tentang satu dasar baru syarikat.  
Apakah peranan komunikasi berdasarkan perkara di atas?
- A. Penyebaran maklumat
  - B. Mengelakkan kerugian
  - C. Meluaskan pasaran
  - D. Memudahkan kawalan perniagaan
40. Wang pos adalah alat pembayaran yang sesuai untuk mengirim wang yang kurang daripada RM100 kerana
- A. tidak perlu mengisi borang
  - B. kadar komisen yang rendah
  - C. tidak mempunyai tempoh laku
  - D. membolehkan kiriman wang di dalam dan di luar negeri

KERTAS SOALAN TAMAT